

1980

KOTA BAHARU, 19 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA JABATAN-JABATAN KERAJAAN DAN SYARIKAT SWASTA MENGUTAMAKAN AHLI-AHLI SUKAN KETIKA MENGAMBIL PARA PEKERJA.

KATANYA MASIH BANYAK SYARIKAT SWASTA YANG ENGGAN MENERIMA AHLI-AHLI SUKAN KERANA BIMIANG TENAGA SEPENUHNYA YANG DIHARAPKAN DARI AHLI-AHLI SUKAN ITU AKAN HANYA TERTUMPU KEPADA KEGIATAN RIADAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SETIAP PIHAK PERLU MEMBERIKAN SUMBANGAN DAN SEDIKIT PENGORBANAN KE ARAH MENEGAKKAN NAMA NEGARA MENERUSI SUKAN.

+SUKAN MERUPAKAN SATU AKTIVITI YANG SANGAT PENTING DALAM KEHIDUPAN HARIAN KERANA IA DAPAT MEMBANTU MEMBENTUK PERWATAKAN, PERPADUAN MASYARAKAT, RAKYAT YANG PERDISIPLIN SERTA BERJUWA KEBANGSAAN, + KATANYA,

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PESTA SUKAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA YANG KEEMPAT DI STADIUM SULTAN MOHAMAD KEEMPAT DI SINI MALAM TADI.

DI SAMPING ITU, TAMBAHNYA, SUKAN JUGA MERUPAKAN SATU ALAT KE ARAH MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI MANA DUNIA LUAR. — BERSAMBUNG

MAHATHIR-SUKAN 2 KOTA BAHARU

KATANYA MEMANDANGKAN BAHAWA NEGARA INI JAUH KETINGGALAN DI BIDANG SUKAN BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN SEMUA PIHAK PERLU MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PEKERJA BERSUKAN.

DALAM KEADAAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI YANG PESAT SEKARANG, PELUANG BAGI RAKYAT MENGADAKAN LATIHAN JASMANI AMAT KURANG DAN INI TENTUNYA MENGHALANG USAHA-USAHA UNTUK MEMBENTUK SATU MASYARAKAT YANG CERGAS.

BELIAU YAKIN DENGAN PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH SEMUA PIHAK NEGARA AKAN DAPAT MELAHIRKAN JAGUH-JAGUH SUKAN YANG BOLEH DIKETENGAHKAN.

HADIR SAMA DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR KELANTAN, DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB, MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI BESAR PERLIS, DATUK HAJI JAAFAR HASSAN, DAN AHLI-AHLI EXCO PERGERAKAN PEMUDA UMNO.

UPACARA GILANG-GEMILANG ITU DISAKSIKAN OLEH KIRA-KIRA 30,000 ORANG YANG PENUH SESAK MEMBANJIRI STADIUM TERSEBU. — BERNAMA
1245/LK